



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**GENDANG SEBAGAI ALAT MUZIK DALAM PERSEMBAHAN SILAT : KAJIAN
DARI ASPEK PEMBUATAN DAN JENIS PALUAN RENTAK DALAM
PERSEMBAHAN SILAT**

Oleh

SITI FARAHAJIM BINTI MOHAMAD NOR

C19B0747

Laporan ini Dikemukakan Untuk memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan (Seni Persembahan) Dengan
Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022/2023

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Syukur ke dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan keizinanNya dapat juga menyiapkan tugas yang harus dilaksanakan ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih atas limpah kekuatanMu sehingga dapat saya menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi – tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses semasa projek penyelidikan ini dijalankan dan dapat disempurnakan dengan betul.

Pertama sekali, ribuan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana telah memberi peluang dan ruang kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Encik Shaipuddin bin Muhammad selaku penyelia Projek Penyelidikan ini di atas dorongan, pandangan yang diberikan, teguran, serta banyak berkongsi ilmu yang berguna kepada saya dalam menyiapkan projek ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih ini juga tidak lupa ditujukan kepada keluarga tersayang yang banyak membantu memberikan sokongan serta semangat sama ada berbentuk fizikal mahupun mental. Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada responden – responden, rakan – rakan yang jatuh bangun bersama serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan penyelidikan ini. Segala jasa baik dan kerjasama yang diberikan amat saya hargai. Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

ABSTRAK

i

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

1-2

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

2

1.2 PENYATAAN MASALAH

3

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

4

1.4 PERSOALAN KAJIAN

4

1.5 BATASAN KAJIAN

5

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

5

1.7 KESIMPULAN

6

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

7

2.1 SEJARAH PERKEMBANGAN ALAT MUZIK

7-8

2.2 KAJIAN LEPAS

9-12

2.3 KAJIAN TEORITIKAL

12

2.3.1 TEORI SENI PERSEMBAHAN

12

2.3.2 ASAL USUL SILAT

13-14

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

15

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

16

3.1.1 KAEDAH KEPUSTAKAAN	16
3.1.2 KAEDAH RUJUKAN INTERNET	16
3.2 KAJIAN LAPANGAN	17
3.2.1 KAEDAH PEMERHATIAN	17
3.2.2 KAEDAH TEMUBUAL	18
3.2.3 KAEDAH RAKAMAN	18
3.3 KESIMPULAN	19
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN	
4.1 PENGENALAN	20
4.1.1 MENGENALPASTI KAEDAH PEMBUATAN ALAT MUZIK GENDANG DALAM PERSEMBAHAN SILAT	20 - 42
4.1.2 MENGETAHUI SETIAP JENIS RENTAK PALUAN GENDANG YANG DIMAINKAN DALAM PERSEMBAHAN SILAT.	42 - 43
4.1.3 MENGGOMERSIALKAN ALAT MUZIK GENDANG AGAR DIKENALI UNTUK MASYARAKAT KINI TERUTAMA SEKALI DALAM PERSEMBAHAN SILAT	44 -46
BAB 5 : CADANGAN DAN KESIMPULAN	47-49
RUJUKAN	50 - 51
LAMPIRAN	52 – 55

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang penggunaan alat muzik gendang dalam persembahan silat yang menjadi satu peranan penting dalam persembahan. Dalam kajian ini, antara aspek yang akan diteliti lebih lanjut adalah cara pembuatan alat muzik gendang yang kini semakin lapuk namun masih lagi kekal di masyarakat Kg Banggol. Proses pembuatan gendang secara kampung lebih teliti serta lebih menarik minat kerana dibuat secara manual serta bahan yang digunakan lebih kepada kekampungan. Selain itu, ia turut memfokuskan jenis paluan rentak gendang yang dialunkan dalam persembahan silat. Seperti sedia maklum, setiap dengungan dum gendang terdapat pelbagai rentak dan ianya berbeza apabila dialunkan bersama serunai, gong serta persembahan silat. Persembahan silat pula bukan sekadar persembahan biasa, ianya mempunyai pelbagai jenis silat dan juga buah yang dimainkan. Setiap gerak geri pesilat akan disamakan dengan gendangan gendang. Oleh itu, fungsi gendang dalam persembahan silat amatlah penting dan sangat digalakkan untuk mengekalkan dan mengkormersialkan lagi alat muzik gendang ini ke serata dunia.

Key : gendang silat, proses pembuatan, rentak, persembahan silat

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Seni Silat atau Pencak Silat merupakan salah satu seni mempertahankan diri bagi bangsa Melayu atau Nusantara yang diamalkan sejak berkurun lamanya. Perkataan silat ini membawa maksud seni beladiri dengan ilmu pergerakan mempertahankan diri yang melibatkan permainan senjata atau tangan kosong. Silat ini juga dikategorikan dengan Wushu yang bermaksud ilmu berlawan. Usia seni silat ini tidak dapat digambarkan secara terperinci dan tepat oleh kerana ianya menganggarkan seni ini telah beratus-ratusan tahun dan diturunkan dari generasi ke generasi seterusnya. Silat sinonim dengan seni mempertahankan diri oleh pengamal dari Nusantara yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei, Thailand dan keseluruhan negeri-negara Asia Tenggara. Mereka yang belajar silat akan automatik digelar para pesilat. Persembahan silat selalunya akan diiringi oleh kumpulan muzik yang membawa paluan alat muzik yang dikenali sebagai gendang, serta alat tiupan serunai.

Persembahan silat biasanya dipersembahkan untuk tontotan di majlis perkahwinan serta upacara pembukaan sesuatu majlis rasmi. Selain itu, uniknya persembahan silat ini adalah, ianya juga merupakan satu pertandingan yang telah diturunkan oleh generasi yang berada di kawasan pedalaman untuk meneruskan legasi ini. Tidak lupa juga di dalam pendidikan persekolahan yang telah menaikkan seni silat ini ke peringkat sekolah yang menjadikan seni silat ini sebagai satu aktiviti Kokurikulum dan sekaligus mengajar para pelajar untuk mempertahankan diri di awal usia remaja.

Manakala, gendang merupakan salah satu alatan yang diguna pakai dalam persembahan silat untuk menghasilkan bunyi gendangan dalam masyarakat di Terengganu. Fungsi utama gendang adalah sebagai penentu tempo pada muzik untuk mengiringi silat atau tarian.

1.1 LATAR BELAKANG

Alat muzik gendang adalah sejenis alat muzik dalam keluarga. Gendang ini merupakan satu alat bunyi yang diperbuat daripada kulit binatang iaitu lembu, kerbau dan kambing. Gendang ini berada dalam kedudukan kelompok alat yang khususnya untuk dipalu bagi menghasilkan bunyi yang berdengung ataupun lebih dikenali sebagai “alat perkusi”. Jenis – jenis gendang yang terdapat di Malaysia adalah gendang dua muka atau gendang satu muka. Gendang satu muka terdiri daripada kumpang dan rebana. Gendang 1 muka ini dikatakan telah wujud terlebih dahulu berbanding gendang satu muka sepertimana yang terdapat dalam ensemble paluan silat, nobat diraja, Mak Yong, wayang kulit dan persembahan – persembahan lain, manakala gendang 2 muka pula dikenali sebagai Gendang Ibu dan Gendang Anak yang sememangnya terkenal di negeri Perak, Kedah, Terengganu serta Perlis. Gendang ibu dan anak ini juga telah diiktiraf sebagai Gendang Melayu yang dimainkan oleh masyarakat Melayu yang mempunyai muka gendang yang berlainan saiz. Gendang ini mempunyai 2 saiz, yang besar dipanggil gendang ibu dan yang kecil dipanggil gendang anak. Gendang ini dimainkan dengan cara meriba dalam keadaan duduk yang melintang dan permukaannya dipalu dengan tapak tangan. Cara gendang ini akan ditune untuk mendapatkan satu kod yang sesuai dengan cara mengetatkan talinya.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Pada era globalisasi ini, dengan peralihan kemodenan yang semakin canggih, pengkaji mendapat alatan seni tradisional gendang kurang mendapat perhatian generasi muda. Hal ini terbukti bahawa pembuatan alat muzik gendang pada zaman sekarang semakin berkurangan dan yang lebih dikuatiri adalah purata umur pembuat dan juga pemalu alat muzik gendang ini antara 50 tahun hingga 70 tahun. Untuk menghasilkan sesebuah alat muzik gendang haruslah mempunyai kemahiran serta teknik pembuatan yang betul dan didokumentasikan untuk khususnya generasi muda akan datang sebagai pelapis yang akan menyambung legasi ini.

Selain itu, kurangnya pemain yang merangkap generasi muda yang boleh memainkan alat muzik gendang ini untuk dimainkan dalam persembahan tradisional kerana kurang minatnya terhadap alat-alat muzik tradisional tersebut. Jika dibiarkan secara berterusan, keadaan ini akan menjadi lebih buruk dan semakin tidak dikenali oleh golongan muda dari semasa ke semasa. Golongan muda juga tidak akan berpeluang untuk menghadiri atau mendengar serta mengenali secara lebih mendalam apakah tradisi alat muzik yang sebenar.

Pada pandangan pengkaji, pembuatan alat muzik tradisional gendang tidak lagi popular kerana tidak mendapat sambutan yang hangat dan tiada minat yang mendalam dalam kalangan golongan muda terhadap pembuatan dan penggunaan alat muzik tradisional gendang ini. Malah, yang lebih merisaukan adalah buat masa sekarang tidak wujudnya pelapis dalam golongan muda remaja untuk mewarisi nilai – nilai tradisi yang berkaitan dengan alat muzik tradisional.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian adalah :

- 1.4.1 Mengenalpasti kaedah pembuatan alat muzik gendang dalam persembahan silat.
- 1.4.2 Mengetahui setiap jenis rentak paluan gendang yang dimainkan dalam persembahan silat.
- 1.4.3 Mengkomersialkan alat muzik gendang agar dikenali untuk masyarakat kini terutama sekali dalam persembahan silat.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan yang ditimbulkan dalam kajian dan akan dijawab adalah :

- 1.5.1 Apakah kaedah pembuatan alat muzik gendang dalam persembahan silat?
- 1.5.2 Bagaimanakah setiap jenis rentak paluan gendang yang dimainkan dalam persembahan silat?
- 1.5.3 Bagaimanakah cara untuk mengkomersialkan alat muzik gendang agar dikenali untuk masyarakat kini terutama sekali dalam persembahan silat.

MALAYSIA

KELANTAN

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada aspek pembuatan dan jenis paluan di dalam persembahan silat negeri Terengganu sahaja dan bukan dari negeri – negeri lain. Alat muzik tradisional gendang mempunyai 2 muka iaitu pada bahagian hadapan dan belakang. Pada permukaan gendang diperbuat daripada kulit – kulit binatang iaitu lembu, kambing serta kerbau. Kulit – kulit binatang ini dipilih bertujuan untuk menghasilkan satu bunyi ‘Bam’ apabila dipalu. Ianya mempunyai perbezaan untuk menghasilkan suara rendah dan suara tinggi pada gendang. Untuk mendapat kulit – kulit binatang ini sedikit membataskan kerana tidak setiap hari orang akan menyembelih binatang – binatang tersebut. Ianya dikatakan bermusim juga. Jenis rentak paluan juga berbeza dari segi permainannya mengikut jenis persembahan silat yang akan dipersembahkan, pengkaji membataskan kajian di Setiu, Terengganu iaitu Kampung Banggol, Setiu Terengganu.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini akan dapat memberi kelangsungan sebuah warisan seni yang bermanfaat untuk dijadikan bahan rujukan kepada generasi baru yang akan datang dan semua pendidik terutama sekali dalam bidang muzik dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran muzik dalam persembahan seni silat mempertahankan diri khususnya dalam aspek pembuatan yang kini kian orang alpa, dan seterusnya penggunaan alat muzik seni warisan ini diangkat lebih tinggi dalam masyarakat serta ke institusi - institusi pengajian tinggi. Bersesuaian dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkembangkan lagi muzik tradisional di serata negeri sama ada di peringkat usia muda mahupun tua.

Diharap dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan oleh generasi baru untuk mempelajari teknik pembuatan alat muzik ini.

1.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, apa yang ingin diterapkan oleh peyelidik adalah penggunaan alat muzik gendang pada masa kini haruslah diterapkan dalam kalangan remaja untuk mengekalkan tradisi ini. Walaupun zaman teknologi semakin canggih kini, namun ianya bukanlah satu masalah atau cabaran buat masyarakat untuk terus kekal dalam tradisi ini. Masyarakat memainkan peranan penting dalam meneruskan legasi ini agar tidak lapuk dek zaman. Penggunaan alat muzik gendang dalam persembahan silat amat popular kerana gendang adalah alat muzik yang utama dan terpenting selepas serunia dalam silat. Dalam kajian ini, penyelidik akan merungkaikan permasalahan yang telah menyebabkan kurangkan pendedahan alat muzik gendang ini serta cara – cara bermain dengan alat muzik tersebut.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan alat muzik tradisional gendang, kaedah pembuatan, jenis rentak paluan gendang dalam persembahan silat, sejarah perkembangan gendang dan hubungkait perkara – perkara yang dikaji berserta bahan rujukan yang berbentuk teks, artikal, jurnal, dan maklumat yang diperolehi dari laman - laman web yang akan membantu untuk pengumpulan data dalam menjawab persoalan kajian.

2.1 SEJARAH PERKEMBANGAN ALAT MUZIK

Seni muzik merupakan salah satu cabang seni tradisional Melayu yang mempunyai pelbagai seni yang digayakan, seni rupa dan permainan tradisional. Terdapat ahli falsafah yang berpendapat mengatakan bahawa manusia ini suda semula jadi mempunyai tarikan yang mendorong mereka ke arah meminati bidang muzik. Hal ini telah menjadi satu kelaziman dalam hidup mereka. Dalam konteks ini, muzik bukan sahaja boleh dinikmati melalui pancaindera sahaja, malah dapat dirasai melalui hati dan perasaan. Kehebatan muzik ini dapat membesan kesan yang mendalam dalam kehidupan seseorang melalui seni, irama dan lagu. Dalam muzik juga boleh dilihat atau ditonton dengan pelbagai cara sama ada secara lintas langsung mahupun melalui media massa.

Menurut **Zety Natamulia Elias**, setelah kemasukan unsur barat yang merupakan istilah daripada pinjaman Parsi, muzik ini semakin popular pada peringkat kini. Muzik ini merupakan satu fenomena yang boleh dikatakan sangat unik apabila

ianya digabungkan dengan alat – alat muzik yang lain untuk mendapatkan hasil melodi yang sepadan.

Di Malaysia, seni muzik tradisional serumpun dengan seni muzik moden kerana ianya masih lagi digunakan pada masa kini. Menurut penulisan **Norsuhaila Ibrahim (2022)**, muzik tradisional adalah warisan yang diturunkan secara turun temurun. Alat muzik juga adalah lambing kepada estetika dalam masyarakat kini. Beliau berkata lagi, alat muzik bukan hanya untuk dijadikan sebagai hiburan semata – mata, malahan menjadikan satu alat untuk menyebarkan maklumat – maklumat yang berbentuk sahsiah diri. Sesetengah alat muzik juga turut dikatakan mempunyai unsur yang magis iaitu boleh membangkitkan semangat terutama sekali apabila berada dalam majlis – majlis tertentu.

Pada zaman dahulu, muzik hanyalah dimainkan oleh golongan bangsawan sahaja ataupun sekadar hiburan diraja. Namun begitu, terdapat juga muzik yang dimainkan untuk rakyat. Maka mengikut kepada peredaran zaman, jelaslah disini seni muzik juga mempunyai hierarki tersendiri iaitu msyarakat bebas untuk menikmati seni muzik yang telah meluas.

2.2 KAJIAN LEPAS

Tengku Iskandar (1970) menyatakan bahawa silat adalah satu jenis permainan yang menggunakan daya tankas dan cekap dalam mempertahankan diri. Beliau juga menyebut bahawa silat ini merupakan satu permainan atau sukan tradisi yang dipersembahkan oleh dua orang pesilat yang mempunyai kemahiran serta ilmu silat. Permainan ini bertujuan untuk dijadikan sebagai satu persembahan atau akan dipilih untuk dipertandingkan. Oleh sebab itu, permainan silat atau dipanggil sukan tradisi rakyat oleh masyarakat terdahulu ini memerlukan kemahiran untuk bersilat dan mempunyai ketangkasan menangkap dan berlawan. Dalam sosiobudaya Melayu, silat adalah satu permainan yang merupakan permainan tradisi rakyat yang mengekalkan ilmu kepahlawanan atau seni perang Melayu dalam bentuk seni rakyat. Sama juga seperti yang lain iaitu, persembahan silat akan diiringi dengan paluan gendang silat.

Abd Rahman Ismail : Seni Silat Melayu – Sejarah Perkembangan dan Budaya, merupakan salah seorang penggiat seni Silat Melayu yang aktif. Menurut Abd Rahman Ismail, silat merupakan ilmu peperangan yang diamalkan oleh orang Melayu sejak dari zaman dahulu lagi. Ilmu ini dipelihara dan diturunkan kepada generasi muda oleh guru – guru silat yang menurut kajian *folklore* dikenali sebagai pembawa tradisi yang aktif. Dalam teks – teks Melayu klasik, terdapat catatan berkaitan dengan peperangan dan gambaran aksi peperangan yang diceritakan dengan lebih terperinci. Gambaran teknik peperangan atau perlawanan antara wira Melayu merupakan gambaran tentang Silat Melayu yang berusia lebih 2000 tahun. Contohnya, gambaran pertikaman antara Hang Tuah dengan Hang Jebat dalam Hikayat Hang Tuah yang digambarkan dengan begitu terperinci. Seni Silat Melayu masih wujud dan diamalkan oleh pewaris – pewaris ilmu tersebut serta mula berkembang pada peringkat antarabangsa. Guru – guru silat dari Indonesia berjaya mengembangkan seni silat

hingga ke Eropah serta mewujudkan satu organisasi yang menguruskan aktiviti dan perkembangan ilmu persilatan yang dikenali sebagai Persekutuan Silat Antarabangsa atau PERSILAT. Perkembangan yang pesat ini menyebabkan pakar silat berusaha Menyusun sukatan pelajaran dan mendokumentasikan sejarah perkembangan Silat Melayu agar ciri – ciri sebenarnya dapat dikenal pasti.

Syaherah Mustafa (2017) dalam penulisan akhbar Berita Harian atas talian yang bertajuk '*Che Hamat kuasai 33 jenis silat di Jelawat, Kelantan*'. Che Hamat berkata, silat bagaikan sudah sehati dalam dirinya dan berharap agar ilmunya itu dapat mengalir dan dicurahkan kepada generasi baharu sekali gus memperkenalkan seni tersebut pada masa akan datang. Sejak berusia 16 tahun lagi, beliau mula mempelajari silat oleh kerana minat yang mendalam. Selain itu, beliau juga rasa ingin tahu lebih terperinci mengenai seni mempertahankan diri ini dan pada ketika itu, beliau berdikari iaitu mengambil inisiatif sendiri dengan pergi berguru dengan guru silat di seluruh Kelantan. Minat yang mendalam pada seni silat telah memberi kelebihan kepadanya untuk menguasai pelbagai teknik pergerakan atau bunga silat yang menjadi asas kepada seni mempertahankan diri itu. Kini, beliau aktif sebagai guru silat di gelanggang Persatuan Seni Silat Gayume Stare Game Kelantan di Kampung Gong Nibong Hulu yang mula beroperasi sejak 2010.

Menurut laman web **one heritage**, gendang ini dikenali bukan di Malaysia sahaja dan bukan pada masyarakat Melayu sahaja. ianya turut terkenal dalam kalangan pelbagai bangsa seperti Cina dan India. Gendang yang dimiliki ini juga mempunyai nama yang tersendiri dan pelbagai saiz serta kegunaan. Gendang yang digunakan kebiasaanya akan dimainkan untuk mengiringi alunan alat muzik gitar dambus, bedaek atau campak. Selain itu, dalam majlis perkahwinan juga gendang dimainkan untuk upacara menyambut tetamu dan lain – lain. Di Cina gendang

dimainkan untuk ritual sembahyang. Selain itu, gendang juga digunakan dalam nyanyian, tarian peperangan serta untuk pengembalaan binatang dan memberi laluan apabila tiba masuk waktu untuk solat.

Gendang memainkan peranan yang besar dalam seni dan budaya masyarakat Melayu. Gendang dikenali sebagai kendang dalam Bahasa Jawa atau 'kendhang' oleh masyarakat Tasung di Filipina, masyarakat Melayu memang terkenal sebagai pemain gendang yang handal. Gendang tertua yang pernah ditemui dipercayai dimainkan sejak abad ke 9 di kawasan sekitar Borobodur. Sama seperti kompang, cara pembuatannya juga menggunakan kayu dari pokok Nangka, cempedak atau kelapa. Bahagian kulitnya pula diperbuat daripada kulit kerbau untuk mendapatkan bunyi yang adu atau kulit kambing untuk mendapatkan bunyi yang nyaring. Gendang paling besar dalam mana – mana persembahan di Malaysia dinamakan sebagai gendang ibu dan gendang anak.

Alat muzik gendang merupakan alat muzik tradisional dalam masyarakat Melayu. Ianya bukan sahaja untuk dimainkan dan sekadar mendengar sahaja, namun ianya juga dikenali sebagai alat kebesaran diraja. Begitu juga dengan Gendang Pahang yang mempunyai tarikan untuk menarik masyarakat lebih teliti dan peka dengan kehadiran gendang – gendang sebagai seni warisan. Dalam setiap negeri, gendang mempunyai identiti yang mengikut kepada budaya masing – masing. Gendang dimainkan bersama – sama gong, serunai, beduk dan juga tabuh.

2.3 KAJIAN TEORITIKAL

Menurut Zahir Zainudin (2007) kajian teoritikal adalah untuk menentukan kajian yang hendak dilakukan. Ianya akan menjadi panduan bagi menentukan permulaan penyelidikan yang akan dilakukan. Dalam kajian teoritikal akan dilihat melalui kajian literatur iaitu kaedah pembacaan yang berkait rapat dengan tajuk yang sedang dikaji. Tajuk jurnal, setiap kata kunci atau maklumat – maklumat lain yang diperolehi sepanjang pencarian kajian ini, penyelidik akan menganalisis setiap konsep serta teori yang akan diceritakan dalam kajian ini.

2.3.1 Teori Seni Persembahan

Secara umumnya, seni merupakan sesuatu yang indah. Walau apa pun jenis seni yang diperkenalkan ianya merupakan satu aktiviti yang diterima oleh masyarakat dan kesenian ini berupaya untuk menyampaikan sesuatu yang boleh dimiliki yang berbentuk tarian, persembahan dan lain – lain. Dalam seni persembahan terbahagi kepada 2 iaitu seni persembahan moden dan tradisional, ianya sememangnya lahir dari naluri setiap orang yang mempunyai darah seni. Hanya orang berbakat dan berjiwa seni sahaja dapat menguasai seni dalam persembahan ini.

Seni persembahan mempunyai 3 elemen penting iaitu persembahan, pentas dan penonton. Kesenambungan artistik yang diciptakan adalah untuk dipentaskan di atas pentas terutama teater dan tarian, pertunjukan muzikal juga merupakan salah satu seni persembahan. Cara ekspresi seni persembahan dipersembahkan bermula dengan kata dan tindakan sehingga munculnya suara dan disatukan dan digabungkan secara harmoni untuk menghasilkan pengalaman yang estetik. Seni persembahan juga merupakan satu kerjaya

yang dapat dipelajari di peringkat universiti dimana terdapat subjek yang diajar untuk mendalami dan memahami apa itu seni sekaligus melatih para pelajar untuk membiasakan diri bekerja dalam bidang pengurusan atau menjadi seorang pengarah dalam bidang seni persembahan.

2.3.2 Asal Usul Silat

Silat adalah satu seni yang mempertahankan diri yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu dan meluas di Nusantara. Matlamat silat adalah membela diri yang mengancam mereka dari serangan musuh samada musuh secara terang – terangan atau berselindung dari segi zahir dan batin. Dalam silat juga turut menggunakan senjata seperti keris, pedang, tongkat, kerambit dan badik. Bagi silat yang tidak menggunakan senjata, pembelajaran silat lebih menumpukan kepada pertempuran tangan kosong iaitu tanpa senjata.

Pencak silat pula membawa maksud sejenis permainan tari yang lebih kepada ketangkasan dan pelbagai gaya serta buah yang dipersembahkan. Sementara silat pula adalah kepandaian melindungi diri dari serangan musuh yang berdasarkan ketangkasan serta pemerhatian gerak geri penyerang.

Perkataan silat lebih dikenali dalam sosio budaya Melayu sebagai permainan tradisi rakyat, iaitu permaian yang dapat mengekalkan ilmu kepahlawanan atau seni perang Melayu dalam bentuk seni rakyat. Pertandingan silat atau persembahan silat akan diiringi dengan paluan gendang silat yang sudah termaktub dalam pergendangan silat yang kini dikenali sebagai Muzik Silat Baku Malaysia.

Gendang merupakan satu elemen penting dalam persembahan silat kerana ianya membantu para pesilat memberikan fokus terhadap pihak lawan

serta diiringi dengan alunan tiupan serunai. Dalam masyarakat Melayu tradisi, institusi pengajian madrasah telah memberi sumbangan dalam pembentukan ilmu dan kehidupan dari aspek jasmani dan rohani. Penggabungan institusi ini telah menubuhkan pondok atau gelanggang bangsal, atau lebih terperinci dipanggil gelanggang silat untuk mengumpulkan masyarakat dalam membentuk masyarakatnya yang kelihatan serba kekurangan dan seni mempertahankan diri ini. Hal ini telah berjaya memberanikan diri mencuba untuk keluar dari kepompong kehidupan supaya dapat membela diri, nilai budaya dan agama dari pengaruh penjajah yang kian silih berganti kini.

Selepas kemerdekaan pada tanggal 1957, permainan silat telah membawa nama di Malaysia. Perdana Menteri telah mengumumkan untuk mewujudkan persatuan silat dan didaftarkan untuk tujuan membina dan mempunyai pengurusan silat yang lebih baik. Setelah itu, persatuan silat telah mendapat tempat dan berdaftar di setiap negeri. Pertubuhan pendidikan, sains dan kebudayaan Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengiktiraf silat sebagai seni mempertahankan diri di Malaysia, manakala pencak silat pula kepunyaan milik Indonesia. Menurut UNESCO, silat merupakan seni mempertahankan diri yang berakar umbi di Kepulauan Melayu sejak zaman-berzaman. Malahan seni mempertahankan diri ini boleh dijejaki seawal era kerajaan Langkasuka yang pernah menguasai bahagian utara semenanjung dan bahagian selatan negara Thailand.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan hal yang berkaitan kaedah penyelidikan yang akan diaplikasi oleh pendidik dalam proses pengumpulan dan analisis data kajian. Dalam bab ini juga penyelidik akan menerangkan dengan lebih jelas mengenai kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kaedah pembuatan alat muzik dan jenis rentak paluan gendang yang dimainkan dalam persembahan silat.

Proses penyelidikan adalah satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis data yang dilakukan secara sistematik dan cekap untuk mengetahui sesuatu persoalan. Maka, tujuan menjalankan kajian ini adalah untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan suatu langkah ilmiah yang sistematik.

Oleh yang demikian, mana – mana kajian sangat penting menggunakan kaedah metodologi sebagai cara untuk memperoleh sesuatu dapatan. Mana – mana kajian memerlukan kaedah metodologi sebagai cara untuk memperoleh dapatan. Metodologi yang digunakan pula memerlukan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti. Untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, penyelidik akan menggunakan teknik – teknik dengan betul agar kajian dapat dilakukan dengan teliti dalam semua aspek. Bentuk kajian yang dimaksudkan ialah kajian perpustakaan (library research) dan kajian lapangan (field research). Gabungan kedua – dua bentuk kajian ini amat sesuai dengan kaedah kajian masa kini yang mementingkan kedua – dua elemen tersebut.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2006). Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses menganalisis dan mentafsir cerita dan data untuk dijadikan sebagai rujukan akan datang.

3.1.1 Kaedah Kepustakaan

Dalam kajian ini, penyelidik mencari bahan – bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Berdasarkan tajuk kajian, penyelidikan ini memerlukan bahan bacaan yang berbentuk ilmiah berdasarkan aspek seni dan persembahan iaitu berkaitan alat muzik dan persembahan. Selain itu, kajian – kajian lepas juga perlu diteliti oleh penyelidik untuk menyokong kajian yang dijalankan. Bahan bacaan akan dilakukan di perpustakaan kemudian dibaca dan meneliti setiap maklumat yang ada dalam rujukan – rujukan itu.

3.1.2 Kaedah Rujukan Internet

Penyelidik juga membuat rujukan di laman web rasmi untuk menambahkan lagi maklumat yang berkaitan tajuk gendang ini. Sememangnya sejarah – sejarah serta asal usul akan diperolehi daripada laman web serta blog – blog yang tersedia di internet. Oleh yang demikian, ianya dapat membantu penyelidik dalam menghuraikan setiap subtopik dalam kajian ini.

3.2 KAEDAH LAPANGAN

Kaedah lapangan adalah merujuk kepada satu tempat yang hendak dikaji yang mempunyai fenomena kajian dan disertakan maklumat kajian untuk diterjemahkan berpandukan objektif kajian yang ditetapkan. Dalam kajian ini, penyelidik akan ke kajian lapangan iaitu di Kg Banggol, Setiu Terengganu untuk menemubual pemilik bengkel gendang dan beberapa pembantunya serta melakukan sesi pemerhatian di kawasan bengkel tersebut. Selain itu, rakaman juga turut dilakukan untuk merakam setiap butir bicara yang dikeluarkan oleh responden dan merakam aktiviti – aktiviti yang berlangsung. Semua proses ini akan dikendalikan oleh penyelidik dan telah mendapat kebenaran untuk melaksanakan kajian.

3.2.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang paling penting sehingga kajian selesai. Berdasarkan apa yang diperolehi oleh penyelidik melalui kaedah pemerhatian, penyelidik akan bermula dengan melihat serta memantau gendang – gendang yang terdapat di Kg Banggol. Selain itu, penyelidik akan menitikberatkan berkaitan teknik gendangan pada gendang dalam persembahan silat. Hal ini penggunaan gendang dalam persembahan silat amat penting kerana setiap pergerakan buah yang dilakukan oleh pesilat diikuti dengan pukulan gendang. Setiap pukulan gendang mempunyai fungsi sebagai pembawa rentak dan pelbagai tempo. Penyelidik juga akan melihat proses-proses pembuatan gendang dari awal sehingga terbentuk sebuah gendang.

3.2.2 Temubual

Menurut L. Baker (1999) mengatakan bahawa temu bual ialah “An interview is a piece of social interaction with one person asking another a number of questions and the other person giving answer”. Temu bual adalah merupakan satu kaedah kutipan data dengan cara dua orang atau lebih secara fizikal atau dengan cara berhadapan dan dapat melihat antara satu sama lain atau bertentang mata dengan yang lain. Dalam sesi temu bual akan disediakan beberapa soalan mengenai kajian yang ingin dilaksanakan, kandungan isi yang akan dilontarkan serta menggunakan Bahasa yang sopan serta teratur bagi penemubual faham akan tujuan yang ingin disampaikan. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan pelbagai kaedah temubual untuk mendapatkan hasil berdasarkan matlamat yang dinyatakan. Kaedah temubual ini akan dijalankan di Kg. Banggol sahaja. Kajian temubual ini dijalankan oleh pengkaji kepada seseorang yang mahir dalam bidang tertentu terutamanya dalam penghasilan alat muzik gendang dan kepada mereka yang menyertai persembahan silat sahaja.

3.2.3 Rakaman

Penyelidik juga akan menjalankan kaedah rakaman untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas dan terperinci tentang proses pembuatan alat muzik gendang. Dalam proses ini memerlukan kamera untuk mengambil gambar serta merakam setiap proses pembuatan, tingkah laku, cara bermain, cara memukul dan sebagainya. Hal ini akan menjadi satu bukti untuk diolah dalam dapatan kajian.

3.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian alat muzik gendang dalam persembahan silat di Kg. Banggol in merupakan satu kajian yang memerlukan kaedah – kaedah untuk mendapatkan maklumat secara lebih terperinci dan responden. Kaedah ini amat penting kepada penyelidik untuk membuat rujukan setelah menerima maklumat. Pendedahan kaedah – kaedah tersebut telah dibincangkan terlebih dahulu supaya penerimaan responden akan menjadi lebih mudah.



DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang dapatan kajian mengenai Gendang sebagai Alat Muzik Dalam Persembahan Silat : Kajian Dari Aspek Pembuatan dan Jenis Paluan Rentak Dalam Persembahan Silat. Dalam kajian ini, pengkaji memperolehi maklumat dan data dengan menggunakan kaedah temubual, pemerhatian serta rakaman di tempat kajian. Pengkaji juga turut menggunakan laman sesawang serta membuat pembacaan sebagai rujukan untuk melengkapkan objektif kajian.

4.1.1 Mengenalpasti kaedah pembuatan alat muzik gendang dalam persembahan silat

Alat muzik gendang merupakan satu alat yang sangat penting dalam persembahan silat. Gendang berperanan untuk memberikan satu tepukan atau gendangan yang memberi impak kepada sesuatu keadaan seperti persembahan silat ini. Penggunaan gendang mampu mengubah atau menentukan corak sesebuah permainan atau persembahan.

4.1.1.1 RESPONDEN PERTAMA

Pengkaji telah menemuramah En Abdullah bin Samad, seorang pakar pembuat gendang di Kg Banggol, Setiu Terengganu. Mengikut kepada pengalaman En Abdullah, beliau berkecimpung dalam aktiviti ini sejak beliau banyak mengikuti orang kampung yang giat aktif dalam membuat persembahan atau pertandingan di luar daerah mahupun negeri. Minat beliau ini dipupuk lagi apabila jika terdapat alat muzik tradisional yang mengalami kerosakan beliau mencuba untuk membaiki sendiri. Itu adalah satu kepakaran yang terdapat dalam diri beliau. Beliau yang sudah sememangnya mempunyai kepakaran seperti berikut kerana ayahnya juga orang kampung yang banyak melakukan aktiviti – aktiviti kampung yang selalu mencuba dan membaiki sendiri jika terdapat sesuatu kecelakaan yang berlaku. Melalui kejadian tersebut, beliau telah mencari jalan penyelesaian untuk membaiki alat tersebut sehingga berjaya. Dalam pada itu, beliau bertemu dengan pakar dalam membuat alat uzuk tradisional di Pasir Putih, Kelantan. Tok guru beliau atau lebih dikenali sebagai Tok Ku Yie. Beliau belajar dengan Tok Ku Yie berulang alik dari Setiu ke Pasir Putih untuk menuntut ilmu pembuatan alat muzik. Proses pembelajaran beliau telah mendapat hasil setelah beliau berjaya membuat alat muzik seperti gendang, gong, gedombak dan rebana ibu dan anak. Ramai juga kenalan – kenalan yang menempah dan membaiki alat muzik tradisioanl kepada beliau kerana, di daerah tersebut hanya beliau yang masih lagi mengekalkan tradisi pembuatan alat muzik ini.

Semasa kaedah pemerhatian serta menemu bual dijalankan, pengkaji telah mengemukakan beberapa soalan berdasarkan objektif kajian yang dijalankan iaitu mengenalpasti kaedah pembuatan alat muzik gendang dalam persembahan silat.

Perkara pertama yang disebut oleh En Mad adalah dapatkan terlebih dahulu kulit lembu atau kambing untuk dijadikan muka dan tapak gendang. Kulit haiwan tersebut kemudian dijemur di bawah pancaran sinaran matahari untuk proses keringkan kulit. Kebetulan ketika pengkaji melawat tapak kajian, kulit lembu yang baru dijemur kerana beliau baru sahaja mendapatkan kulit lembu yang segar. Pada ketika itu, cuaca mendung dan tiada sinaran matahari. Oleh itu, beliau telah mengalihkan kulit lembu tersebut kemudian diletakkan di bawah api untuk mempercepatkan proses kekeringan. Walaupun tidak kering sepenuhnya, namun haba api yang panas akan meninggalkan kesan juga pada kulit.



Gambarajah 1 : Kulit lembu dijemur

Kaedah 2 : Mencari kayu

Kaedah kedua pula adalah kaedah membuat atau membentuk badan gendang. Badan gendang diperbuat daripada kayu nangka. Kayu nangka boleh didapati di kawasan berhampiran rumah sahaja dan tidak perlu untuk ke hutan. Pokok nangka ditebang kemudian dipotong pendek yang berukuran lebih kurang 55 cm untuk satu gendang. Kebiasannya, sebatang pokok yang ditebang boleh mendapatkan sebanyak 4 atau 5 ukuran gendang namun melihat juga kepada bentuk batang pokok tersebut samada terdapat lekuk – lekuk yang tidak sesuai digunakan yang terpaksa dibuang.

Kaedah 3 : Memesin badan gendang

Seterusnya, apabila mendapatkan kayu, kayu yang telah siap dipotong mengikut ukuran kemudiannya diletakkan di atas mesin pelarik untuk melarik serta melicinkan badan gendang. Mesin ini digunakan bertujuan untuk membuang kulit batang pokok, membuang bahagian dalam pokok supaya membentuk lubang di tengah serta membentuk badan gendang. Badan gendang haruslah dikecilkan bahagian tapak dan dibesarkan dibahagian muka untuk membezakan muka dan tapak sekaligus apabila hendak dipadankan dengan kulit haiwan.



Gambarajah 2 : Membuat badan gendang

Kaedah 4 : Membuat bikar

Seterusnya, kaedah membuat bikar pada bahagian muka dan tapak gendang. Bikar ini diperbuat daripada paip pvc yang berwarna hitam. Paip pvc ini dipotong memanjang yang berukuran lebih kurang 2inci. Kemudian paip pvc ini digulung bulat mengikut ukuran muka dan tapak gendang. Ukuran muka gendang lebih besar daripada tapak iaitu 10 cm manakala tapak pula 9cm. Jika dahulu, bikar diperbuat daripada rotan namun, kini rotan yang didapayyi di hutan makin lama makin tidak berkualiti dan ianya mudah putus jika ditarik dengan kuat.



Gambarajah 3 : Membuat bikar gendang

Kaedah 5 : Mencantikkan gendang

Tujuan gendang dikelilingi oleh rotan adalah hanya untuk mencantikkan gendang sahaja. tali yang terdapat pada badan gendang itu adalah sebagai penguat tali yang terdapat pada bikar gendang. Bikar yang diletakkan pada bahagian muka gendang itu dilaraskan dengan tali yang diletakkan dibawah bikar untuk menguatkan dan menentukan beat gendang apabila dipukul.



Gambarajah 4 : Mencantikkan gendang menggunakan rotan

Kaedah 6 : Membuat pengetuk

Didalam persembahan silat terdapat pengetuk yang digunakan untuk mengetuk gendang. Berbezanya persembahan silat dengan persembahan lain adalah, dalam persembahan silat akan menggunakan pengetuk dan juga tapak tangan. Pengetuk diperbuat daripada dahan pokok kemunting yang dipatahkan mengikut bentuk yang diinginkan. Kemudian, dilicinkan supaya tiada kayu cantik dan tiada sebarang kulit dahan atau duri – duri.



Gambarajah 5 : Pengetuk gendang

4.1.1.2 RESPONDEN KEDUA

Pengkaji telah menemuramah En Zainal Abidin atau lebih dikenali sebagai Cik Lan yang sudah lama berkecimpung dalam bidang pembuatan alat muzik tradisional ini. Menurut kata beliau, seni ini halus, jika kita minat dalam sesuatu hal yang membuatkan kita rasa puas, teruskanlah sehingga berjaya. Dengan kata – kata ini telah membuatkan beliau sehingga sekarang aktif dalam kegiatan pembuatan alat muzik tradisional ini sehinggakan beliau dianugerahkan sebagai Usahawan Bimbingan Risda dibawah projek Kraftangan Alat Muzik. Beliau mula berjinak dalam seni ini bermula umur 12 tahun. Ketika di kampung, beliau suka mengikuti persembahan wayang kulit, beliau mula menonjolkan diri untuk terus berada di dalam kumpulan Wayang Kulit tersebut sehinggalah umurnya mencecah belasan tahun iaitu ketika beliau berada di sekolah menengah. Berdasarkan pengalaman beliau pada ketika itu, pelbagai aktiviti kesenian yang dijalankan dan boleh dikata setiap hari akan diadakan persembahan ini. Contohnya Mak Yong, Main Pateri, Dikir Barat, Wayang Kulit dan Silat.



Gambarajah 6 : Pengkaji menembual responden

Kaedah 1 : Mencari kayu

Proses yang pertama sekali untuk membuat gendang adalah dengan mencari kayu. Kayu yang digunakan adalah kayu pokok nangka. Kebiasaanya, alat muzik gendang ini hanyalah menggunakan kayu pokok nangka sahaja, namun terdapat juga sesetengah pembuat gendang menggunakan kayu. Kayu nangka diperolehi di dalam hutan kemudian ditebang dan dipotong. Setelah itu, kayu tersebut dibuang kulitnya serta menjadikan ianya berbentuk silinder dengan menggunakan mesin iaitu mesin larik.

UNIVERSITI
MALAYSIA


KELANTAN



Gambarajah 7 : Kayu yang telah siap dipotong

Kaedah 2 : Melarik kayu

Setelah mendapatkan kayu, proses melarik kayu dijalankan. Perkataan larik membawa maksud satu kaedah atau teknik pertukangan seni. Mesin larik ini bertujuan untuk membuat proses memotong, buang atau bentuk yang bercirikan bulat atau sfera dengan cara berpusing secara paksi. Mesin ini menggunakan mata pahat atau pisau khas untuk melawan kelajuan dan sekali gus mengawal serta membentuk objek tersebut mengikut bentuk yang ingin dihasilkan.



Gambarajah 8 : Mesin pelarik




Gambarajah 9 : Kedudukan kayu untuk dilarik

Kayu akan diletakkan secara melintang dan dipadankan dengan kedudukan mata mesin serta penyanggah untuk mengemaskan kayu supaya tidak belok semasa proses melarik dilakukan. Kemudian suis dibuka dan proses memesis dilakukan. Ketika proses melarik dijalankan, kayu yang sedang berpusing itu dibentuk untuk dijadikan bentuk gendang iaitu besar di bahagian muka gendang dan kecil di bahagian tapak. Proses melicinkan badan juga dilakukan dengan menggunakan kertas pasir semasa kayu sedang bergolek semasa proses memesis kayu dijalankan. Saiz kebesaran ini juga amat dititikberatkan juga dalam proses bunyian gendang.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Gambarajah 10 : Badan gendang siap dilarik

Kaedah 3 : Membuang kayu bahagian dalam

Bahagian dalam kayu juga boleh ditebuk menggunakan pahat. Mengikut kaedah Cik Lan, beliau membuang bahagian dalam kayu dengan mengetuk menggunakan pahat serta tukul. Kaedah ini boleh digunakan mengikut keselesaan pembuat gendang.



Gambarajah 11 & 12 : Mengorek bahagian dalam kayu

Kaedah 4 : Memastikan saiz badan gendang selaras

Semasa proses melarik tadi, penentuan saiz antara muka dan tapak gendang dilakukan juga. Saiz gendang ibu. Jika gendang anak pula, bahagian muka berukuran 8cm dan bahagian berukuran 10cm atau 9cm pada bahagian muka, pada bahagian tapak pula berukuran 8cm tapak berukuran 7.5cm. ukuran ini berperanan untuk bunyi gedungan yang akan dihasilkan setelah siap nanti. Bahagian muka lebih besar dari bahagian tapak untuk membezakan bunyi gedung secara besar dan kecil.



Gambarajah 13 : Badan gendang

Kaedah 5 : Kaedah mengecat badan gendang

Setelah badan gendang selesai dibentuk, badan gendang dicat atau diwarnakan dengan cat atau syelek. Kebiasaannya gendang diwarnakan menggunakan syelek kayu berwarna gelap.



Gambarajah 14 & 15 : Gendang siap disyelek

Kaedah 6 : Membuat bikar pada muka dan tapak gendang

Seterusnya proses membuat bikar untuk menekapkan kulit lembu dan kambing. Bikar jika zaman dahulu dibuat menggunakan rotan. Rotan diraut sehingga nipis kemudian diukur saiz keluasan muka dan dililit menjadi bulatan bikar. Namun begitu, penggunaan rotan pada masa kini kurang digunakan oleh kerana rotan cepat patah apabila proses tarikan untuk perkemaskan dilakukan. Oleh itu, Cik Lan menggunakan paip pvc yang dipotong panjang.



Gambarajah 16 : Paip PVC untuk bikar gendang

Setelah memotong paip pvc ini, untuk membuat bikar, paip diambil kemudian diukur pada muka gendang kemudian dililit dengan tali rapia. Kaedah lilitan ini bermula dari lilitan pertama dililit dengan tali rapia kemudian disambung dengann lilitan kedua pada baris kedua paip pvc sehingga ke lapisan paip pvc yang kelima. Di setiap lapisan bikar ini haruslah dililit dengan tali rapia untuk mengelakkan pelicinan dan sebarang bekas yang berlaku untuk ditekapkan pada kulit lembu nanti.



Gambarajah 17 : Mengukur saiz bikar mengikut saiz muka gendang



Gambarajah 18 : Proses melilit tali rafia pada bikar



Gambarajah 19 : Padankan bikar pada muka gendang

Kaedah 7 : Mempersiapkan kulit lembu

Setelah bikar siap, bikar akan diletakkan di atas kulit lembu. Untuk proses kulit lembu pula, apabila mendapat kulit lembu, kulit lembu haruslah dijemur dibawah pancaran matahari terlebih dahulu. Masa untuk kulit lembu betul – betul kering adalah selama 3 hingga 4 hari. Jika keadaan tidak menentu seperti hujan, ianya mengambil masa yang agak lama untuk kulit lembu itu kering.



Gambarajah 20 : Kulit lembu selepas dijemur

Setelah kulit lembu ini kering sepenuhnya, ukuran bikar dijalankan kemudian ditanda untuk memotong lebihan kulit ini. Bikar ini juga akan diselaputi oleh kulit lembu juga supaya ianya selaras bila berada pada gendang.



Gambarajah 21 : Ukuran kulit lembu untuk dijadikan muka gendang

Kemudian, apabila kulit lembu kering, proses membuang bulu pada kulit lembu iaitu dengan mengikis bulu kulit lembu dengan menggunakan pisau sahaja. Pisau tersebut haruslah tajam dan tidak tumpul. Kulit lembu digulung terlebih dahulu sebelum proses mengikis dijalankan. Kulit lembu yang digulung dipegang menggunakan tangan kiri dan pisau berada pada tangan belah kanan. Pisau haruslah melurut kebawah iaitu mengikut alur bulu lembu dan bukan melawan alur bulu lembu. Proses mengikis dijalankann secara perlahan sahaja untuk mengelakkan kulit lembu terkoyak.

MALAYSIA

KELANTAN



Gambarajah 22 : Cik Lan menunjukkan cara untuk mengikis bulu kulit lembu



Gambarajah 23 : Pengkaji cuba mengikis bulu kulit lembu

Mengikut pengalaman pengkaji yang mencuba membuang bulu kulit lembu ini, ianya tidaklah begitu sukar namun tetap menggunakan kudrat untuk membuang keseluruhan bulu yang berada pada kulit lembu

tersebut. Oleh sebab itu lah kulit lembu harus dijemur sehingga betul – betul kering untuk memudahkan proses mengikis.




Gambarajah 24 : Hasil kulit lembu yang siap dibuang bulunya

Kaedah 8 : Merendam kulit lembu

Kulit lembu yang siap dikikis kemudiannya dicelup air untuk melembutkan serta memudahkan untuk mengetam kulit supaya ianya padat untuk dilekatkan pada bikar dan gendang. Masa yang diambil untuk merendam kulit lembu di dalam air adalah selama 12 jam atau setengah hari. Setelah itu, kulit



Gambarajah 25 : Pengkaji merendam kulit lembu



Gambarajah 26 : Kulit lembu yang direndam

Untuk membuat permukaan dan tapak gendang haruslah menggunakan kulit haiwan seperti lembu dan kambing. Untuk gendang 2 muka ini, pada bahagian muka gendang menggunakan kulit lembu dan pada bahagian tapak gendang menggunakan kulit kambing.



Gambarajah 27 & 28 : Meletakkan kulit lembu pada bikar

Apabila kulit lembu diangkat dari rendaman air, bikar diletakkan di atas kulit lembu. Untuk mengelakkan kulit lembu yang dimasukkan ke dalam bahagian bawah bikar, paku akan diketuk sedikit sahaja untuk mengunci kulit lembu supaya tidak bergerak. Hal ini kerana, kulit lembu haruslah mengelilingi bikar sekali gus untuk menjadikan bahagian muka atau tapak gendang.

Kaedah 9 : Membuat pengetuk

Menurut Cik Lan, dalam persembahan silat gendang 2 muka ini diketuk dengan menggunakan tangan dan pengetuk gendang. Bahagian muka gendang diketuk dengan pengetuk. Kulit lembu digunakan untuk buat muka (tebal – guna untuk kayu) kulit kambing untuk buat tapak (nipis, lembut guna tangan) dalam silat. Pengetuk ini diperbuat daripada pohon langsung. Dahan pohon langsung juga sememangnya halus tetapi keras dan sangat sesuai untuk dijadikan sebagai pengetuk gendang.



Gambarajah 29 : Pengetuk

4.2 MENGETAHUI SETIAP JENIS RENTAK PALUAN GENDANG YANG DIMAINKAN DALAM PERSEMBAHAN SILAT.

Dalam persembahan silat, paluan gendang sangat penting dan sangat membantu dalam setiap langkah yang ingin diutarakan. Persembahan silat akan didahului dengan serunai dan diikuti dengan paluan gendang seterusnya gong. Gendang yang akan digunakan dalam persembahan silat adalah gendang ibu dan anak dan dimainkan oleh dua orang penggendang. Kebiasaannya, para penggendang akan duduk berhadapan untuk selarikan bunyi yang diketuk. Sebelah menggunakan tangan dan sebelah lagi akan menggunakan pengetuk untuk mengetuk gendang. Terdapat perbezaan bunyi dalam setiap ketukan yang dibuat. Oleh sebab itu lah, pada badan gendang mempunyai tali khusus untuk menaikkan atau merendahkan tune gendangan.

Rentak gendang ini apabila dimainkan dalam persembahan silat mengikut kepada pemain gendang itu sendiri dan diikuti dengan irama alunan serunai. Oleh sebab itu, peranan gendang, serunai dan gong ini amat penting dalam persembahan silat.

Menurut responden Sheikh Amir yang merupakan seorang pesilat, beliau mengatakan persedian ketika mengambil tempat masing – masing adalah diiringi muzik serunai. Kemudian, apabila mendengar alunan serunai, pesilat akan mencari titik angin terlebih dahulu sebelum memulakan langkah sembah.

Apabila tiupan serunai naik tinggi, gendang akan mengiringi secara bersambung dengan gong kemudian langkah sembah dibuka. Menurut responden Cik Lan juga, paluan gendang ini harus seiring dengan muzik serunai. Apabila seruan serunai dinaikkan, paluan gendang terus masuk jutruk memulakan sesuatu persembahan.

4.3 MENGGOMERSIALKAN ALAT MUZIK GENDANG AGAR DIKENALI UNTUK MASYARAKAT KINI TERUTAMA SEKALI DALAM PERSEMBAHAN SILAT.

Alat muzik bukan hanya digunakan dalam persembahan moden seperti lagu serta tarian, sahaja yang enak di dengar, namun dalam persembahan tradisional yang semakin terkenal kini turut dialunkan alat muzik tradisional yang begitu merdu untuk menaikkan seri tarian sesuatu persembahan. Alat muzik gendang, satu alat yang amat penting dalam persembahan silat. Penggunaan alat muzik gendang ini adalah untuk menentukan satu bip sesuatu langkah. Pemain alat muzik gendang mempunyai aura tersendiri sehingga kan setiap lenggok badan yang dibawa bersama – sama beliau mengetuk gendang. Masyarakat kini haruslah menitikberatkan alat muzik tradisional untuk mengekalkan tradisi yang sememangnya berasal daripada kedatangan Islam dahulu.

4.3.1 MENGADAKAN PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Untuk mengkomersialkan alat muzik gendang supaya dikenali masyarakat adalah dengan mempergiatkan lagi program – program yang melibatkan persembahan tradisional. Menurut responden, Cik Lan berkata dahulu sangat banyak persembahan – persembahan yang diadakan di kampung beliau iaitu di Kampung Selising Pasir Putih, Kelantan. Namun sejak kerajaan mengumumkan pengharaman persembahan – persembahan tradisional diadakan di Kelantan pada tahun sekitar 1990, aktiviti tersebut terus berhenti. Setelah beberapa tahun, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membuka lagi peluang kepada masyarakat untuk meneruskan persembahan tradisional di Kelantan dengan syarat tidak melibatkan warga wanita serta sebarang ritual

dalam persembahan. Berdasarkan pengalaman tersebut, Kelantan telah mempergiatkan aktiviti kebudayaan dan kesenian secara menyeluruh. Jika dilihat di kawasan pedalaman contohnya, banyak aktiviti kebudayaan dan kesenian yang giat dijalankan seperti persembahan silat. Kebiasaanya di kawasan – kawasan kampung yang sejak dahulu lagi giat aktif dalam persembahan ini, boleh dikatakan setiap tahun akan membuat persembahan atau pertandingan silat antara kampung atau negeri mahupun diperingkat yang lebih tinggi. Dengan persembahan silat ini akan diiringi dengan paluan atau alunan muzik dan salah satu alat muzik yang dimainkan adalah gendang. Gendang dalam persembahan silat ada dua jenis iaitu gendang ibu dan gendang anak. Dari sini, anak – anak muda akan terjerumus ke arah muzik kerana muzik yang akan menaikkan aura persembahan tersebut. Di samping itu juga, dengan persembahan yang diadakan, pihak penganjur boleh menerangkan sedikit sebanyak mengenai kepentingan menjaga alat muzik kepada masyarakat untuk tidak pupus di telan zaman.

4.3.2 BELAJAR MUZIK SEJAK SEKOLAH RENDAH

Pada peringkat awal persekolahan, seni muzik atau seni budaya haruslah diperkenalkan dari awal. Walaupun murid – murid masih lagi kecil, namun ianya tidak menghalang ini untuk memperkenalkan dari awal mengenai warisan tradisional seperti mengenai alat muzik tradisional, tarian tradisional dan persembahan tradisional kerana apabila mereka belajar mereka mengetahui satu persatu pembelajaran mengenai warisan yang harus dijaga dan dipelihara. Perkenalan yang mungkin nampak biasa tetapi apabila mereka menginjak ke usia remaja, mereka telah celik mata mengenai warisan seperti

yang dinyatakan tersebut. Alat muzik yang dinyatakan oleh pengkaji adalah gendang. Gendang ini sangat menarik untuk diperkenalkan di peringkat sekolah kerana gendang diperbuat daripada kulit lembu dan kulit kambing dan tahap pukulannya dibezakan dengan kualiti kulit haiwan tersebut. Gendang ini juga mempunyai pelbagai jenis dan pelbagai bentuk seperti gendang 2 muka iaitu gendang ibu dan gendang anak, gendang satu muka iaitu rebana dan kompang. Daripada sini pengkaji boleh tafsirkan dengan pengenalan yang sebegini rupa boleh menarik minat para pelajar untuk mengetahui lebih lanjut mengenai alat muzik tradisional ini.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Secara keseluruhannya, bab yang terakhir ini akan membincangkan mengenai cadangan dan kesimpulan terhadap penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji. Perbincangan penyelidikan meliputi beberapa aspek yang telah dikenal pasti sepanjang pengkaji menjalankan kajian mengenai kaedah pembuatan alat muzik serta paluan rentak gendang yang dimainkan dalam persembahan silat. Gendang ini masyarakat sudah mengetahui secara umum, namun sekadar mengenalinya sahaja tidak tahu fungsi dan kepentingan gendang dalam persembahan yang ditampilkan.

5.2 CADANGAN

Berdasarkan dari hasil kajian yang telah diperolehi, pengkaji mengenalpasti beberapa cadangan yang boleh diutarakan untuk memasrikan alat muzik gendang ini terpelihara dan dikekalkan sebagai warisan.

5.2.1 Individu / Pengkaji

Antara cadangan yang boleh diketengahkan oleh pengkaji ialah menyarankan supaya membuat pendedahan awal mengenai alat muzik gendang di peringkat institusi pendidikan terutamanya di peringkat sekolah. Dengan adanya pendedahan awal ini ianya boleh dikenali oleh generasi muda yang kian meningkat usianya. Selain dengan pengenalan alat muzik, bidang muzik juga seharusnya dijadikan satu mata pelajaran khusus di sekolah. Apabila wujudnya subjek pembelajaran seperti ini di sekolah sekali gus boleh mengasah bakat atau minta generasi myda dari peringkat sekolah lagi. Selain itu, pengkaji turut mencadangkan untuk mendokumentasikan alat muzik gendang ini supaya generasi akan datang dapat mengenali alat muzik ini.

Seterusnya, pengkaji mencadangkan agar bahan rujukan mengenai alat muzik diperbanyakkan. Perkara ini perlu diketengahkan kerana buku – buku atau risalah ini bertujuan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para pelajar atau penyelidik untuk melakukan sebarang kajian. Hal ini kerana, jika perkara ini tidak dititikberatkan, golongan tersebut akan malas dan tidak berminat untuk mengetahui lebih lanjut dan berfikirannya tidak penting kerana kurangnya buku di mana – mana perpustakaan atau galeri.

Cadangan terakhir adalah, pengkaji mencadangkan agar pihak kerajaan mengiktiraf alat muzik gendang sebagai alat muzik warisan dan setaraf dengan alat – alat muzik yang terkenal kini. Gendang satu alat yang memberi satu kepentingan kepada mana – mana persembahan yang dipersembahkan dan bukan hanya memfokuskan kepada persembahan silat sahaja.

5.2.2 Masyarakat

Masyarakat merupakan satu elemen penting dalam usaha untuk mengekalkan warisan supaya terpelihara dan dikekalkan sebagai warisan. Masyarakat perlu berganding bahu bersama kerajaan untuk mengambil peluang bekerjasama memartabatkan warisan muzik tradisional Kelantan ini terutamanya gendang. Usaha yang harus diketengahkan adalah, pembuat alat muzik harus menonjolkan diri supaya kerajaan membuka mata terhadap pentingnya alat – alat muzik ini pada masa hadapan.

5.3 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, gendang merupakan alat muzik tradisional bagi masyarakat Kelantan yang sangat terkenal suatu masa dahulu. Namun, alat muzik ini semakin merundum disebabkan oleh negeri Kelantan dahulunya diisytiharkan mengharamkan sebarang persembahan – persembahan terutamanya yang melibatkan kaum wanita. Setelah kenyataan ini dikeluarkan, masyarakat di negeri Kelantan terus tidak aktif dalam mana – mana persembahan dan tidak melibatkan diri dalam kesenian serta kebudayaan. Namun, setelah bertahun peristiwa ini berlaku, negeri Kelantan telah memberi kebenaran untuk meneruskan aktiviti – aktiviti seperti ini kerana tradisi ini tidak boleh berhenti begitu sahaja. warisan yang diperkenalkan untuk mewujudkan satu aura positif kepada golongan remaja untuk diteruskan sehingga ke generasi akan datang.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian bagi mendapatkan maklumat mengenai tajuk kajian yang dijalankan. Pengkaji juga mencadangkan beberapa cadangan serta idea yang dikemukakan untuk menjaga warisan supaya dapat mengekalkan alat – alat muzik ini sebagai alat muzik tradisional yang selaras dengan alat muzik moden dunia.

RUJUKAN

- Muhammad Hasnimizan Ishak. (2019). *Seni Bela Diri Melayu dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi*. Kuala Lumpur. Akademika 89 (Isu Khas / Special Case) 2019: 69-79.
- Abd. Rahman Ismail. (2022) *Seni Silat Melayu, Sejarah Perkembangan dan Budaya* <https://kawahbuku.com/titles/seni-silat-melayu-sejarah-perkembangan-dan-budaya/>
- DEFINISI, D. (2022). Encyclopedia-Titanica.com. <https://ms.encyclopedia-titanica.com/significado-de-artes-esc-nicas>
- DR IZHAM NAYAN. (2022, June 28). *SEJARAH SILAT DAN MANFAATNYA*. Blogspot.com. <http://izhamnayan.blogspot.com/2017/02/sejarah-silat-dan-manfaatnya.html>
- Dr Zahir Zainudin. (2022, June 28). *itqan: Kerangka teoritikal*. Zahirzainudin.blogspot.com. <http://zahirzainudin.blogspot.com/2007/11/kerangka-teoritikal.html>
- <https://facebook.com/iluminasi1>. (2019, July 31). *5 Jenis Alat Muzik Tradisional Orang Melayu*. Iluminasi. <https://iluminasi.com/bm/5-jenis-alat-muzik-tradisional-orang-melayu.html>
- Keunikan Gendang Pahang bersama Tok Mad - BASKL*. (2022, March 10). BASKL - Bandar Aktiviti Seni Kuala Lumpur. <https://baskl.com.my/keunikan-gendang-pahang-bersama-tok-mad/>
- Mietha Fanza. (2021, January 31). *Sejarah, Jenis dan Fungsi Alat Musik Gendang*. Alatumusik.id; Alatumusik.id. <https://www.alatumusik.id/musik/Alat-Musik-Gendang/>
- Nailah Huda. (2019, Disember 13). UNESCO Iktiraf Silat Sebagai Warisan Budaya Milik Malaysia. Kuala Lumpur. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/unesco-iktiraf-silat-sebagai-warisan-budaya-milik-malaysia-225216>
- Norsuhaila Ibrahim. (2022) *Alat Muzik Tradisional Melayu: Satu Keunikan: Klik Web DBP*. Klikweb.dbp.my. <http://klikweb.dbp.my/?p=18709>
- Sejarah Gendang*. (2022). <https://oneheritage.weebly.com/sejarah-gendang.html>

Hanis Lyana. (2021, October 21). *Asal Usul Mak Yong Dan Singkap Kisah Tarian Ini Yang Pernah Diharamkan Hampir 30 Tahun Di Kelantan*. Siakap Keli. <https://siakapkelipkeli.my/2021/10/21/asal-usul-mak-yong-dan-singkap-kisah-tarian-ini-yang-pernah-diharamkan-hampir-30-tahun-di-kelantan/#:~:text=Pernah%20diharamkan%20hampir%2030%20tahun%20di%20negeri%20Kelantan,Main%20Puteri%20pada%20tahun%201991>.

Nurul Husna Mahmud. (2021, December 13). *Martabat alat muzik tradisi*. *Harian Metro*; *New Straits Times*. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/12/788233/martabat-alat-muzik-tradisi>


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 30 : Pengkaji memberi cenderahati kepada responden



Gambar 31 : Responden menerangkan mengenai alat muzik gendang



Gambar 32 : Pengkaji melakukan proses pembuangan kayu bahagian dalam



Gambar 33 : Pengkaji mengikis bulu kulit lembu

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 34 : Pengkaji menemui responden di Kg Banggol Setiu



Gambar 35 : Pengkaji mengukur saiz kebesaran dan ketinggian gendang



Gambar 36 : Pengkaji mengukur keluasan tapak gendang

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN